

KENYATAAN AKHBAR OLEH  
PEJABAT PERDANA MENTERI

-----

Pejabat Perdana Menteri telah mendapat tahu bahawa terdapat sesetengah individu yang telah bergambar dengan Perdana Menteri menggunakan gambar-gambar tersebut bagi kepentingan peribadi mereka.

Di berbagai-bagai majlis dan ketika mengunjungi Perdana Menteri, sesetengah mereka kerap kali meminta untuk bergambar dengan Perdana Menteri. Ada yang dikenali oleh Perdana Menteri dan ada yang tidak dikenali oleh beliau. Sebagai Perdana Menteri dan wakil rakyat beliau tidak dapat menolak permintaan untuk bergambar bersama-samanya.

Tetapi dukacita dinyatakan bahawa ada mereka yang telah bergambar dengan Perdana Menteri mendakwa bahawa mereka kenal rapat dengan Perdana Menteri. Perdana Menteri telah mendapat tahu bahawa ada antara mereka ini mendakwa bahawa mereka boleh menjadi orang tengah bagi pihak ahli-ahli

...2/-

perniagaan yang ingin mendapatkan kontrak dan projek daripada kerajaan.

Pejabat Perdana Menteri ingin menegaskan bahawa Perdana Menteri tidak dapat memberi sesuatu keistimewaan kepada sesiapa. Walaupun Perdana Menteri mungkin, kerana sebab-sebab politik, berjumpa dengan orang tertentu yang beliau kenali khususnya mereka dari kawasan pilihanrayanya, sebarang permohonan yang dibuat melalui mereka ini tidak akan mendapat layanan daripada Perdana Menteri atau kerajaan. Saluran-saluran rasmi mestilah digunakan setiap masa.

Pejabat Perdana Menteri meminta kerjasama orangramai menghubungi pejabat ini sekiranya mereka dihubungi oleh sesiapa yang mendakwa mereka boleh berjumpa dan mendapat perhatian Perdana Menteri untuk sebarang tujuan.

Nombor telefon untuk dihubungi ialah 232-2444 sambungan 208 dan 218.

\*\*\*\*\*

Pejabat Perdana Menteri,

Kuala Lumpur.

24hb. Januari, 1991.